

Headline	AmBank bantu keluarga miskin		
MediaTitle	Kosmo Ahad		
Date	02 Jun 2013	Color	Full Color
Section	Semasa	Circulation	120,848
Page No	10	Readership	269,000
Language	Malay	ArticleSize	253 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAKI SALLEH	AdValue	RM 3,031
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,094



# AmBank bantu keluarga miskin



ZAKI SALLEH

**GEORGE TOWN** - Kumpulan AmBank bermurah hati menyalurkan bantuan bernilai RM104,000 kepada 50 keluarga miskin dari Bayan Baru di sini semalam.

Pengerusinya, Tan Sri Azman Hashim berkata, ini merupakan kali kedua AmBank meringankan beban keluarga kurang berkemampuan di Pulau Pinang menerusi program AmBank-MyKasih.

Beliau berkata, menerusi program itu, setiap keluarga menerima sumbangan RM20 seminggu untuk membeli barangan keperluan dapur menerusi sistem pembayaran elektronik menggunakan MyKad.

"Kita bekerjasama dengan pasar raya besar Giant di mana setiap keluarga boleh membeli barangan seperti beras, gula, tepung, susu dan minyak masak dengan nilai kredit menggunakan MyKad mereka.

"Ini antara program tang-



AZMAN (dua dari kiri) membantu seorang penerima bantuan MyKasih menyimpan barang yang dibeli dari pasar raya besar Giant Bayan Baru, Pulau Pinang semalam.

gungjawab sosial AmBank sebagai warga korporat yang bertanggungjawab serta prihatin untuk membantu golongan kurang berkemampuan," katanya selepas majlis pelancaran Program Komuniti AmBank-MyKasih di Pasar Raya Besar Giant Ba-

yan Baru di sini.

Yang turut hadir ialah Pengerah Yayasan MyKasih, Jeffrey Perera.

Menurut Azman lagi, AmBank telah memperuntukkan sebanyak RM1 juta setiap tahun bagi program tersebut melibatkan 13 lo-

kasi penerima terpilih di setiap negeri seluruh negara.

Katanya, AmBank akan terus memainkan peranan sebagai korporat bertanggungjawab sebagaimana ditandakan oleh kerajaan terhadap komuniti tanpa mengira bangsa dan agama.